

P.U. (A) 148.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL LAKU MUSNAH (WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA) 2003

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Kesalahan dan penalti
4. Kerosakan kepada harta Perbadanan hendaklah dibaiki selain daripada penalti
5. Kuasa menyita, dsb.
6. Kos dan pampasan
7. Pembatalan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL LAKU MUSNAH (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahsuaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2002 [P.U. (A) 142/2002], Perbadanan Putrajaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Laku Musnah (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2003**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“binatang” termasuklah burung, serangga dan hidupan akuatik;

“harta Perbadanan” ertinya apa-apa harta alih atau harta tak alih yang dipunyai, dibina, diurus, disewa atau diselenggara oleh Perbadanan yang terletak atau yang ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau tempat persendirian di dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya dan termasuk kerja yang dijalankan oleh Perbadanan dan mana-mana binatang, pokok, tumbuh-tumbuhan, rumput, sungai, tasik dan anak sungai yang di bawah penjagaan atau kawalan Perbadanan;

“kerja” ertinya mana-mana kerja yang dijalankan oleh Perbadanan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang ada di dalam atau di bawah mana-mana tempat awam atau tempat persendirian di Wilayah Persekutuan Putrajaya;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Perbadanan;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*].

Kesalahan dan penalti

3. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan jika kebenaran atau kuasa baginya diberikan secara bertulis oleh Perbadanan—

(a) menulis, melukis, mengecat, menyembur, menanda, menconteng, mencalar atau mengukir apa-apa perkataan, slogan, karikatur, simbol atau apa-apa juga pun pada mana-mana harta Perbadanan;

(b) melekatkan, menampalkan, menunjukkan atau mempamerkan apa-apa poster, pelekat, iklan, surat tempelan, peringatan, kertas atau apa-apa dokumen pada mana-mana harta Perbadanan;

- (c) menggantung, memasang, menyangkut, menaikkan, melekatkan, mempamerkan atau menunjukkan apa-apa bendera, panji-panji hiasan, panji-panji bendera, sepanduk atau yang menyerupainya dengan perkataan, slogan, karikatur, lukisan, tanda, simbol atau apa-apa barang pada mana-mana harta Perbadanan;
- (d) memakukan, mengikat, menyimpul atau merantai apa-apa benda pada mana-mana harta Perbadanan;
- (e) mengalih, mengganggu, mengusik, memindah, mencacatkan, memusnahkan atau merosakkan mana-mana harta Perbadanan;
- (f) membuat perubahan kepada mana-mana harta Perbadanan;
- (g) mengalih, memindah, mengusik, mencacatkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa jua yang dipertunjukkan, digantungkan, didirikan, dilekatkan, dinaikkan atau disangkutkan oleh Perbadanan;
- (h) meludah, membuang air kecil atau besar di dalam atau pada mana-mana harta Perbadanan kecuali di tempat yang telah disediakan bagi maksud itu;
- (i) mengotorkan atau mencemarkan air di mana-mana pancutan air, kolam renang, sungai, tasik atau anak sungai yang di bawah penjagaan dan kawalan Perbadanan;
- (j) memotong, menggali, mengalih, memetik, membantun, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok, tumbuh-tumbuhan, bunga, daun atau dahan mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan atau rumput yang di bawah penjagaan dan kawalan Perbadanan;
- (k) mengorek atau mengalih tanah dari mana-mana harta Perbadanan;
- (l) memerangkap, menangkap, membunuh atau memberi makan apa-apa binatang yang di bawah penjagaan dan kawalan Perbadanan;
- (m) menunggang, memandu, menolak atau menarik apa-apa kenderaan sama ada digerakkan secara bersawat atau dengan cara lain atau meluncur dengan skate pada mana-mana harta Perbadanan yang bukan untuk maksud itu; atau
- (n) membuat apa-apa yang boleh menyebabkan kerosakan harta Perbadanan.

(2) Tiada seorang pun boleh mengganggu atau mencederakan apa-apa binatang yang di bawah penjagaan dan kawalan Perbadanan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan 3(1) atau (2) atau cuba melakukan mana-mana perbuatan itu atau menyebabkan mana-mana perbuatan itu dilakukan adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Seseorang yang disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah perenggan 3(1) atau (2) boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan mengenai kesalahan yang berterusan boleh selanjutnya didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Kerosakan kepada harta Perbadanan hendaklah dibaiki selain daripada penalti

4. (1) Jika seseorang melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini melalui suatu perbuatan, kecuaian atau keingkaran dan dengan perbuatan,

kecuaian atau keingkaran itu telah menyebabkan kerosakan kepada harta Perbadanan, adalah bertanggungan membaiki kerosakan itu selain daripada apa-apa penalti yang boleh dikenakan bagi kesalahan itu.

(2) Amaun bagi kerosakan itu termasuk kos yang dibelanjakan oleh Perbadanan untuk menjalankan tugasnya di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah, jika ada pertikaian, diputuskan oleh Mahkamah yang mensabitkan pihak yang dikenakan penalti.

Kuasa menyita, dsb.

5. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh—

- (a) mengalihkan apa-apa benda yang didapati tergantung, dinaikkan, ditampal, diikat, disimpul, dirantai, dipakukan, dilekatkan, disangkut, dipertunjukkan atau dipamerkan pada mana-mana harta Perbadanan yang berlanggaran dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini; atau
- (b) memadam apa-apa tulisan, gambar, lukisan, tanda, cakaran, calar atau ukiran yang dibuat oleh mana-mana orang ke atas mana-mana harta Perbadanan yang berlanggaran dengan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Apa-apa tindakan yang diambil oleh Perbadanan di bawah perenggan (1) tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana orang daripada dikenakan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Kos dan pampasan

6. Mana-mana orang yang didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah membayar Perbadanan apa-apa kos yang ditanggung oleh Perbadanan bagi melaksanakan peruntukan undang-undang kecil 5 dan hendaklah membayar pampasan kepada Perbadanan bagi apa-apa kerosakan yang dilakukan terhadap harta Perbadanan semasa perlakuan kesalahan itu.

Pembatalan

7. Undang-Undang Kecil Vandalsme (Perbadanan Putrajaya) 1998 [Sel. P.U. 16/1998] dibatalkan.

Dibuat 9 April 2003
[PPj/UNDANG(A) 4-3; PN(PU²)328B/III]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN
Presiden
Perbadanan Putrajaya

Disahkan 30 April 2003

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Pemangku Perdana Menteri

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

VANDALISM (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2003

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-law

1. Citation and application
2. Interpretation
3. Offences and penalty
4. Damage to property and costs of the Perbadanan to be made good in addition to penalty
5. Power of seizure, etc.
6. Costs and compensation
7. Revocation

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

VANDALISM (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2003

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*] as modified by the Federal Territory of Putrajaya (Modification of Local Government Act 1976) Order 2002 [P.U. (A) 142/2002], the Perbadanan Putrajaya makes and pursuant to section 103 of the Act, the Minister confirms the following by-laws:

Citation and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Vandalism (Federal Territory of Putrajaya) By-Laws 2003**.
- (2) These By-Laws shall apply only to the Federal Territory of Putrajaya.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“animal” includes bird, insect and aquatic life;

“Perbadanan’s property” means any moveable or immoveable property owned, constructed, managed, leased or maintained by the Perbadanan situated or being in, under or over any public or private place within the Federal Territory of Putrajaya and include works undertaken by the Perbadanan and any animal, tree, plant, grass, river, lake and stream which is under the care or control of the Perbadanan;

“works” means any works undertaken by the Perbadanan under any written law being in or under any public or private place within the Federal Territory of Putrajaya;

“authorized officer” means any officer authorized by the Perbadanan;

“Perbadanan” means Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [*Act 536*].

Offences and penalty

3. (1) No person shall, unless permitted or authorized in writing by the Perbadanan—

- (a) write, draw, paint, spray, mark, scribble, scratch or inscribe any word, slogan, caricature, symbol or anything on any of the Perbadanan’s property;
- (b) affix, post-up, exhibit or display any poster, sticker, advertisement, bill notice, reminder, paper or other document on any of the Perbadanan’s property;
- (c) hang, fasten, suspend, hoist, affix, exhibit or display any flag, bunting, standard, banner or the like with any word, slogan, caricature, drawing, mark, symbol or other thing on any of the Perbadanan’s property;

- (d) nail, tie, bind or chain anything on any of the Perbadanan's property;
- (e) remove, interfere, tamper with, displace, deface, destroy or damage any of the Perbadanan's property;
- (f) make any alteration to any of the Perbadanan's property;
- (g) remove, displace, tamper with, deface, destroy or damage anything exhibited, hung, erected, affixed, hoisted or suspended by the Perbadanan;
- (h) spit, urinate or defecate in or on any of the Perbadanan's property unless in a place provided for that purpose;
- (i) contaminate or pollute the water in any fountain, swimming pool, river, lake or stream which is under the care and control of the Perbadanan;
- (j) cut, dig, remove, pluck, uproot, damage or destroy any tree, plant, flower, leaf or branch of any tree or plant or grass which is under the care and control of the Perbadanan;
- (k) excavate or remove any earth from any of the Perbadanan's property;
- (l) trap, catch, kill or feed any animal which is under the care and control of the Perbadanan;
- (m) ride, drive, push or pull any vehicle whether mechanically propelled or otherwise or slide/glide with a skate on any of the Perbadanan's property which is not permitted for the purpose; or
- (n) do any act which may cause damage to the Perbadanan's property.

(2) No person shall disturb or injure any animal that is under the care and control of the Perbadanan.

(3) Any person who contravenes paragraph 3(1) or (2) or attempts to do any such act or cause any such act to be done commits an offence.

(4) A person who is convicted under paragraph 3(1) or (2) shall be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both such fine and imprisonment and in the case of a continuing offence shall also be liable to a further fine not exceeding two thousand ringgit for every day during which the offence is continued after conviction.

Damage to property and costs of Perbadanan to be made good in addition to penalty

4. (1) If through any act, neglect or default any person has committed an offence under these By-Laws and by such act, neglect or default such person has caused damage to any property of the Perbadanan such person shall in addition to any penalty that may be imposed for that offence to make good the damage.

(2) The amount of such damage shall include the costs incurred by the Perbadanan for carrying out the provisions of these By-Laws and shall, in case of dispute, be determined by the Court convicting the party upon whom such penalty is imposed.

Power of seizure, etc.

5. (1) Any authorized officer may—

- (a) remove any thing found hung, hoisted, posted-up, tied, bound, chained, nailed, affixed, suspended, displayed or exhibited on any of the Perbadanan's property in contravention of any provisions of these By-Laws; or
- (b) obliterate any writing, picture, drawing, painting, mark, scribble, scratch or inscription which is made by any person on any of the Perbadanan's property in contravention of these By-Laws.

(2) Any act of the Perbadanan under paragraph (1) shall not be construed as to preclude any person from liability to prosecution for any offence against any of the provision of these By-Laws.

Costs and compensation

6. Any person who is found guilty of an offence under these By-Laws shall pay the Perbadanan any costs incurred by the Perbadanan for carrying out the provisions of by-law 5 and shall compensate the Perbadanan for any damage done to the Perbadanan's property during the commission of the offence.

Revocation

7. The Vandalism (Perbadanan Putrajaya) By-Laws 1998 [*Sel. P.U. 16/1998*] is revoked.

Made 9 April 2003
[PPj/UNDANG(A) 4-3; PN(PU²)328B/III]

TAN SRI DATO' SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN
President
Perbadanan Putrajaya

Confirmed 30 April 2003

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Acting Prime Minister

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA